

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang 1989/90

Oktober/November 1989

**SEU304 - Ekonomi Antarabangsa II**

Masa: [3 jam]

---

Jawab **TIGA** soalan sahaja. Setiap soalan mempunyai jumlah markah yang sama.

**Soalan 1**

- (a) Bincangkan isu-isu utama imbalan pembayaran Malaysia di dalam tahun-tahun 1980an.
- (b) Apakah yang dimaksudkan dengan pantulan asing? Jelaskan peranannya di dalam pelarasan imbalan pembayaran.
- (c) Bezakan di antara pengganda perdagangan luar yang merangkumi kesan pantulan asing dengan pengganda perdagangan luar yang mudah.
- (d) Jelaskan sama ada sebuah negara yang kecil seperti Malaysia boleh mengenepikan kesan pantulan asing atau tidak.

...2/-

Soalan 2

- (a) Apakah yang dimaksudkan dengan dasar mengubah perbelanjaan dan dasar mensuiskan perbelanjaan?
- (b) Jelaskan bagaimana sesebuah negara dapat mengatasi masalah defisit dalam imbalan pembayarannya dan masalah deflasi dalam negeri dengan menggunakan dasar-dasar mengubah perbelanjaan dan mensuiskan perbelanjaan sekiranya negara tersebut (i) mengamalkan sistem kadar pertukaran tetap dan (ii) sistem kadar pertukaran fleksibel.
- (c) Bezakan di antara spekulasi yang stabil dan yang tidak stabil. Spekulasi jenis manakah yang boleh menjelaskan nilai ringgit Malaysia dan bagaimanakah nilai ringgit dapat dipertahankan apabila terjadi spekulasi tersebut?

Soalan 3

- (a) Jelaskan sama ada penurunan nilai dapat membetulkan defisit di dalam imbalan perdagangan sesebuah negara yang mengamalkan sistem kadar pertukaran tetap di bawah keadaan-keadaan berikut:
- (i) permintaan eksport dan import anjal sifar.
  - (ii) permintaan eksport dan penawaran import anjal sempurna.
  - (iii) harga barang-barang eksport dan import ditetapkan di dalam matawang negara pembeli.
  - (iv) harga barang-barang eksport dan import ditetapkan di dalam matawang negara penjual.
- (b) Berikan jenis-jenis kawalan langsung dan terangkan bagaimana (i) tarif import dan (ii) sistem kadar pertukaran berbilang boleh digunakan untuk membetulkan ketakseimbangan di dalam imbalan pembayaran sesebuah negara.

Soalan 4

- (a) Terangkan penentu-penentu penawaran dan permintaan untuk pertukaran wang asing. Mengapakah keluk permintaan untuk pertukaran asing mempunyai cerun yang negatif dan keluk penawaran pertukaran asing mempunyai cerun yang positif?
- (b) Bezakan di antara pasaran segera dan pasaran hadapan pertukaran asing.
- (c) Bezakan dengan jelas di antara arbitraj geografi dan arbitraj bunga. Apakah peranan yang dimainkan oleh seorang pengarbitraj?
- (d) Bezakan dengan jelas di antara pelindung nilai dan spekulator di dalam pasaran pertukaran asing.

Soalan 5

- (a) Bandingkan sistem kadar pertukaran tetap dan sistem kadar pertukaran fleksibel. Sistem yang manakah yang lebih sesuai diamalkan oleh sesebuah negara yang membangun?
- (b) Apakah perbezaan utama di antara sistem kadar pertukaran apungan bersih dan apungan terurus?
- (c) Mengapakah perlu kerjasama antarabangsa untuk menjayakan satu sistem kadar pertukaran terurus.
- (d) Pada pendapat anda adakah sistem kewangan antarabangsa masakini berjalan dengan baik atau tidak?